

Pemeliharaan Hadis Dalam Era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0): Isu dan Cabaran

*Preservation of Hadis in the Era of Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0):
Issues and Challenges*

**Shahril Nizam Zulkipli^{1*}, Norazmi Anas¹, Ishak Suliaman²,
Anasztasia Natasha Muhamad Ramlan³ & Amin Che Ahmat¹**

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Perak, Kampus Tapah, Perak, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

³Akademi Pengajian Bahasa (APB) Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia

*e-mail: shah4107@uitm.edu.my

Received: 09 September 2020; **Accepted:** 02 September 2021; **Published:** 03 September 2021

To cite this article (APA): Zulkipli, S. N., Anas, N., Suliaman, I., Muhamad Ramlan, A. N., & Che Ahmat, A. (2021). Preservation of Hadis in the Era of Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0): Issues and Challenges. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(2), 95-106. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.9.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.9.2021>

Abstrak

Zaman globalisasi telah membentuk pembelajaran ilmu hadis yang lebih sistematik dengan pengaplikasian menggunakan teknologi terkini seperti laman web, perisian ‘*software*’ dan aplikasi ‘*apps*’. Namun, timbul beberapa isu yang menjadi cabaran penggunaan hadis digital dengan beberapa faktor kelemahan yang melibatkan serangan jenayah siber, keterbatasan kemampuan manusia untuk memindahkan teks hadis ke dalam visual digital, penyebaran hadis palsu, penyelewengan kefahaman hadis dan sebagainya. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan isu dan cabaran pemeliharaan hadis dalam rangka penyampaian dan penyebarannya dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui pendekatan kualitatif secara analisis dokumen melalui kajian perpustakaan terhadap sumber primer seperti kitab-kitab hadis dan sumber sekunder seperti tesis, disertasi, artikel jurnal dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kertas kerja konseptual ini telah menggariskan idea dan solusi bagi menyelesaikan isu-isu hadis digital agar kesinambungan usaha pemeliharaan autoriti hadis di alam siber dapat dipergiatkan dari semasa ke semasa. Dapatan kajian boleh dijadikan sebagai panduan penggunaan hadis digital dengan mengambil langkah berhati-hati daripada mempromosikan hadis yang tidak berautoriti.

Kata kunci: Pemeliharaan Hadis, Hadis Digital, ICT & Revolusi Industri 4.0

Abstract

Modern-day technological advancements have led to a more systematic learning in applying knowledge of hadis by means of websites, software and apps. These digital platforms nevertheless may be compromised due to cybercrime attacks, ability constraints to transfer hadis text to digital visuals, dissemination of false hadis, distortion of hadis understanding and so on. Thus, this paper describes the issues and challenges pertaining preservation of hadis in the framework of its transmission and dissemination in the era of Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0). Research is performed through content analysis of primary (hadis) and secondary sources (journal articles, books, etc.) to achieve the study’s objectives. Therefore, this conceptual paper has outlined ideas along with solutions to resolve matters concerning digital hadis, to further strengthen the continuation of measures taken in preserving authority of hadis within cyberspace. The findings of this study can be used as a guide for using digital hadis by taking precaution measures from promoting unauthorised hadis.

Keywords: Preservation of Hadis, Digital Hadis, ICT & Industrial Revolution 4.0

PENGENALAN

Hadis merupakan sumber kedua perundangan Islam di samping berfungsi sebagai huraian dan keterangan bagi al-Quran. Menurut Zulkipli et al. (2017a), walaupun hadis merupakan wahyu, namun tidak dijamin pemeliharannya seperti al-Quran sebagaimana yang dinukilkan melalui surah al-Hijr ayat 9. Sehubungan dengan itu, perhatian terhadap hadis telah mendapat tempat yang sewajarnya sejak dari zaman para sahabat kerana sering terdedah kepada penyelewengan dan pemalsuan. Kelangsungan sejarah telah merekodkan usaha pemeliharaan yang berterusan dari semasa ke semasa melalui aktiviti hafalan dan penulisan sehinggalah pembentukan dan perbahasan secara langsung ilmu-ilmu mengenai penerimaan dan penolakan sesuatu hadis. Perkembangan Revolusi Industri 4.0 juga telah membawa khazanah ilmu Islam ini kepada suatu metode penyampaian yang lebih mudah dan berkesan dengan beberapa aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) melalui visual digital yang lebih interaktif khususnya kepada belia dan golongan muda (Razali & Hussin, 2021). Menurut Zulkipli et al. (2017a; 2017b), pengaplikasian hadis di alam siber merupakan satu kaedah pemeliharaan autoriti hadis dalam dimensi dan visual yang baharu.

Walau bagaimanapun, penggunaan teks hadis digital perlu diambil perhatian sewajarnya kerana boleh melibatkan isu-isu serangan jenayah siber yang mampu mempengaruhi teks hadis digital. Selain itu, ruangan siber yang menyediakan capaian maklumat hadis yang lebih pantas telah membuka cabaran baharu kepada penyebaran hadis kerana terdedahnya hadis *da'if* dan hadis *mawdu'* kepada masyarakat awam tanpa batas dan kawalan.

SOROTAN LITERATUR

Sejarah perkembangan hadis telah diklasifikasikan oleh para ulama hadis berdasarkan realiti periwayatan pada zaman tersebut. Pelbagai bentuk dan kaedah periwayatan berjaya dirumuskan dengan usaha para sahabat dalam menjamin kesahihan hadis agar selari dengan perkara yang disampaikan oleh baginda SAW. Umumnya para ulama mengkategorikan zaman tersebut kepada *al-Wahyu wa al-Takwin* (zaman pembentukan hadis yang dimulai ketika Rasulullah SAW diangkat sebagai rasul sehingga baginda wafat), *iqbal al-Riwayah* (zaman sedikitnya aktiviti periwayatan hadis bermula dari kewafatan baginda SAW hingga zaman pemerintahan khalifah), *intisyar al-Riwayah* (zaman tersebarnya hadis dimulai sejak pemerintahan 'Uthman b. 'Affan hingga ke zaman pemerintahan Khalifah Bani 'Umayyah) dan *Tadwin al-Sunnah* (zaman pembukuan hadis yang dimulai ketika pemerintahan khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz) (Muhajirin, 2016).

1. Pemeliharaan Hadis Melalui Hafalan dan Amalan.

Pengutusan Muhammad SAW sebagai rasul dalam kalangan bangsa Arab yang disifatkan sebagai buta huruf (*ummatan ummiyyatan*). Kebanyakan mereka adalah dalam kalangan yang tidak tahu membaca dan menulis (Al-Shiddiqi, 2000). Allah SWT telah menyifatkan mereka sedemikian melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Dia lah Yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktikad Yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan Yang mendalam mengenai hukum-hukum Syarak). dan Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah Dalam kesesatan Yang nyata”.

(Surah al-Jumu'ah, Ayat 2)

Walau bagaimanapun, mereka dikurniakan kekuatan ingatan, kecerdasan akal, dan cepat menghafaz. Oleh sebab itu, mereka berupaya untuk mengingati rantaian nasab keturunan, peristiwa dan tarikh penting dari hari-hari yang mereka lalui secara tepat dan mendalam (Harahap, 2018). Lantaran itu, para sahabat berusaha untuk menghafaz setiap makna dan lafaz hadis, berusaha memahaminya dan

seterusnya diamalkan. Abu ‘Abd al-Rahman al-Sulami berkata: “Para sahabat seperti Uthman bin ‘Affan, ‘Abdullah bin Mas‘ud dan sahabat lain telah berbicara kepada kami bahawa apabila mereka mempelajari sepuluh ayat al-Quran daripada Nabi SAW, maka mereka akan memahami dan mengamalkannya terlebih dahulu sebelum mempelajari ayat-ayat al-Quran yang lain. Aspek ini, merupakan penekanan dalam pembelajaran al-Quran yang mendasari ilmu dan amal dengan sekali gus (Al-Khatib, 1988; Anwar, 2020).

Dalam kalangan para sahabat, sebahagian mereka mendengar *aqwal* baginda SAW, manakala sebahagian yang lain melihat *af‘al* baginda dan apabila berlaku perselisihan, mereka terus bertanyakan Rasulullah SAW (Usman, 2021). Oleh yang demikian, baginda SAW mengarahkan dan menggalakkan para sahabat agar menyampaikan sunnah kepada umat Islam yang lain. Seruan ini merupakan amanah ilmu yang berkesinambungan sehingga kini.

2. Pemeliharaan Hadis Melalui Penulisan.

Kaedah penyampaian hadis oleh baginda SAW adalah berbeza-beza. Maka tiada seorang pun sahabat yang dapat mendengar kesemua hadis baginda SAW. Adakalanya baginda menyampaikan motivasi, wasiat agama atau hukum hakam di hadapan ramai sahabat dan ada ketikanya hanya beberapa orang atau seorang sahaja manakala *taqrir* baginda pula amat terhad penyampaiannya kerana melibatkan peristiwa tertentu yang dilakukan oleh sahabat (Ismail, 1989). Tambahan, hanya beberapa orang sahabat sahaja yang terpilih untuk mencatat hadis sedangkan yang lain dilarang dalam melakukan sebarang aktiviti penulisan hadis (Usman, 2021). Sabda baginda SAW:

Maksudnya: Daripada Abi Sa‘id al-Khudri bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, “*Janganlah ada di kalangan kamu yang menulis daripadaku selain al-Quran. Barangsiapa yang menulis daripadaku selain al-Quran, maka hapuskanlah ia.*

(HR Muslim)

Faktor utama larangan tersebut kerana kekhuatiran dan ketakutan baginda SAW seandainya berlaku kekeliruan sehingga mencampuradukkan antara al-Quran dan hadis. Di samping itu, dapat menyemai dan menyuburkan tekad yang tinggi para sahabat untuk menghafaz hadis sekali gus mengamalkannya (Al-Suyuti, 1996; Sudi et al., 2016). Sehubungan dengan itu, perkara ini bukanlah suatu larangan yang bersifat mutlak kerana Rasulullah SAW telah memberikan keizinan menulis hadis kepada sahabat-sahabat yang terpilih.

3. Sedikitnya Periwatannya Hadis dalam Kalangan Para Sahabat.

Abu Bakar adalah antara sahabat yang sedikit periwatannya meskipun beliau sangat akrab dan sentiasa bersama dengan Nabi SAW dan banyak menerima hadis Rasulullah SAW. Demikian juga dengan Imran bin Husain, Abu ‘Ubaidah, ‘Abbas bin Abdul Mutalib, al-Zubair dan Zaid bin Arqam. Bahkan seorang daripada sepuluh sahabat yang dijamin ke syurga iaitu Sa‘id bin Zaid hanya meriwayatkan dua atau tiga hadis sahaja. Abu Hurayrah yang diketahui banyak meriwayatkan hadis adalah sedikit periwatannya ketika zaman pemerintahan ‘Umar al-Khattab (Rofiah, 2018). Berikutan kepatuhan terhadap khalifah Abu Bakar RA dan ‘Umar al-Khattab dalam membataskan periwatannya hadis. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan sedikitnya periwatannya ketika ini. Secara umumnya ialah:

- i. Sunnah baginda SAW telah dipegang utuh oleh para sahabat dan mencontohi setiap *athar* yang ditinggalkan Nabi SAW. Mereka juga kluatir sekiranya tersalah dalam menyampaikan hadis yang dianggap sebagai suatu ancaman besar kerana mendustakan Nabi SAW (Mu‘awanah, 2019).

- ii. Kebimbangan berlakunya penyelewengan dan pendustaan hadis oleh golongan munafik dan murtad. Ketika pemerintahan khalifah Abu Bakar al-Khattab umpamanya berlaku penentangan terhadap perintah mengeluarkan zakat dan sedekah. Rententan daripada itu, para sahabat sentiasa mengawasi hadis baginda SAW daripada ditambah dan diselewengkan (Abu Zahw, t.t).
- iii. Para sahabat saling melakukan perbandingan hadis yang mereka miliki untuk menjamin keaslian dan keabsahannya biarpun terpaksa menempuh jarak perjalanan yang jauh semata-mata untuk memelihara akar periwayatan hadis ahik (Rofiah, 2018).

4. Berhati-Hati Ketika Meriwayatkan Hadis

Setelah kewafatan baginda SAW, maka sunnah Nabi SAW terpelihara melalui hafalan para sahabat dan catatan sebahagian mereka. Di saat ini, para munafik mula menonjolkan diri dan berlaku kemurtadan dalam kalangan umat Islam. Mereka telah melakukan pendustaan terhadap baginda SAW untuk tujuan tertentu dan mengelirukan umat Islam dengan menokok tambah dan memalsukan hadis seperti protes mereka terhadap perintah mengeluarkan zakat dan bersedekah (Abu Zahw, t.t.). Oleh sebab itu, Khalifah Abu Bakar RA telah mewujudkan undang-undang periwayatan hadis untuk memberi ancaman terhadap orang-orang yang mendustakannya (Abu Zahw, t.t) dan meletakkan syarat yang ketat dalam periwayatan hadis (Rofiah, 2018). Ibn Qutaibah berkata, “khalifah ‘Umar sangat tidak menyukai mereka yang terlalu banyak meriwayatkan hadis atau orang yang membawa khabar mengenai hukum tanpa perakuan saksi” (Al-Khatib, 1988). Hal ini menunjukkan ketegasan beliau terhadap periwayatan hadis. Abu Hurayrah pernah menegaskan cara-cara terpeliharanya sunnah baginda SAW ketika kepimpinan khalifah ‘Umar al-Khattab dengan menyebut, “sekiranya aku meriwayatkan hadis ketika di zaman ‘Umar sebagaimana aku menyampaikan hadis kepadamu, nescaya aku akan dipukul oleh beliau dengan tongkatnya” (Mu’awanah, 2019).

Oleh itu,, periwayatan hadis berlaku dengan sangat berhati-hati ketika pemerintahan khalifah Abu Bakar dan Khalifah ‘Umar al-Khattab sehinggakan ada dalam kalangan sahabat yang mendatangkan saksi atau bersumpah untuk mengajarkan hadis (Harahap, 2018). Walau bagaimanapun, aktiviti penulisan dan hafalan hadis diteruskan mengikut inisiatif masing-masing.

5. Berhati-Hati Ketika Menerima Hadis.

Sikap berhati-hati ditekankan oleh para sahabat ketika menerima hadis kerana kebarangkalian diperdaya dengan kesalahan dan tertipu dengan golongan *hawa'* atau menyelewengkan makna sebahagian hadis. Abu Bakar RA boleh dijadikan contoh terbaik dalam memelihara sunnah serta memelihara kebenaran khabar ('Itr, 1979; Muhajirin, 2016). Al-Zahabi berkata, “sahabat yang sangat berhati-hati dalam penerimaan khabar merupakan Abu Bakar. Ibn Syihab meriwayatkan dari Qubaysyah bin Zuaib:

Seorang nenek datang menemui Abu Bakar untuk bertanya mengenai harta warisan dirinya. Abu Bakar menjawab, “Aku tidak menemui dalil al-Quran untuk dirimu dan aku tidak mengetahui baginda SAW menyebut sesuatu untuk dirimu”. Kemudian beliau bertanya pula kepada para sahabat. Lantas al-Mughirah berdiri dan berkata, “saya telah mendengar baginda SAW bersabda bahawa ia mengagihkan satu perenam untuknya”. Seterunya Abu Bakar bertanya kepada al-Mughirah, “Adakah orang lain bersamamu ketika itu? Setelah Muhammad bin Salamah memberikan kesaksian mengenai hal tersebut, Abu Bakar pun memberikan hak warisan sebagaimana sabdaan Nabi SAW. (Al-Zahabi,t.t;Harahap,2018).

Tindakan Abu Bakar ini dilihat oleh al-Zahabi sebagai pembuktian dan mengambil sikap berhati-hati terhadap khabar yang diterimanya. Ia tidak bermakna menutup pintu periwayatan hadis (Al-Zahabi, t.t).

6. Rehlah al-Sahabah dalam Meriwayatkan Hadis.

Islam telah tersebar ke seluruh pelosok Jazirah Arab dan menjadi tunjuang penguasaan Islam dan kegemilangannya di seluruh dunia. Malah setelah umat Islam berjaya menakluki Parsi (21H), penguasaan Islam menjangkau wilayah Asia kecil, Andalus (93H), Samarkand (56H), perbatasan Cina sebelah timur hingga ke pergunungan Pirenia. Oleh itu, rehlah al-Sahabah juga dipergiatkan sehingga merangkumi setiap wilayah taklukan bagi mengajarkan al-Quran dan menyampaikan sunnah baginda SAW (Husna, 2018).

7. Pengumpulan dan Pembukuan Hadis

Usaha ini telah diusulkan oleh khalifah ‘Umar b. ‘Abd al-Aziz (Amin, 2018). Namun pada awalnya ia tidak mendapat persetujuan beberapa golongan Atba’ al-Tabi’in. Menurut al-Qathan, beberapa alasan yang menjadi tonggak dalam merencanakan usaha tersebut. Antaranya ialah (Al-Qathan, 2006; Fatimah, 2020):

- i. Pembukuan al-Quran pada zaman khalifah ‘Uthman menyebabkan umat Islam mengenali al-Quran. Hadis juga turut dihafaz kebanyakan umat Islam. Oleh itu, tidak berlaku percampuran antara al-Quran dan hadis.
- ii. Perpecahan umat Islam kepada beberapa golongan seperti Khawarij, Syiah, dan lain-lain akibat pertikaian politik dan mazhab telah menyebabkan penulatan hadis palsu.
- iii. Keperluan para ulama dan umat Islam kepada kitab hadis untuk dihafal dan diamalkan kerana taklukan Negara Islam kian meluas. Selain itu, bilangan *qurra*’ juga semakin sedikit dalam sesebuah daerah kerana berhijrah ke daerah Islam lain untuk menyampaikan risalah Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada analisis kandungan yang berpotensi digunakan dalam penyelidikan berkaitan perkembangan hadis di era Revolusi 4.0 (IR4.0). Analisis dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan data primer dan sekunder. Menurut Lebar (2015), analisis dokumen boleh dijalankan ke atas data sekunder tempatan dan data sekunder bukan tempatan. Kajian perpustakaan digunakan untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder tersebut dengan melakukan analisis kandungan ke atas sumber-sumber rujukan yang berkaitan dengan subjek kajian (Talib, 2013). Data primer dalam analisis dokumen ini melibatkan kitab rujukan dalam bidang-bidang utama hadith untuk membincangkan mengenai pemeliharaan hadith di zaman awal Islam manakala data sekunder diperoleh melalui tesis, disertasi, jurnal, kertas kerja seminar, dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat mengenai isu dan cabaran pemeliharaan hadis masa kini. Menurut Lebar (2015) lagi, pada masa ini dan akan datang, sumber data juga boleh diambil secara dalam talian. Dengan kemajuan TMK, pelbagai saluran komunikasi serta capaian maklumat menggunakan enjin carian berkeupayaan tinggi menjadikan maklumat dalam pelbagai bidang boleh diperoleh dengan aplikasi TMK (Darusalam & Hussin, 2018a). Oleh itu, analisis kandungan terhadap bahan elektronik dalam talian juga dijalankan seperti laman web, e-dokumen/e-buku, perisian komputer, aplikasi telefon pintar (*google play books, iBook, eCentral*) dan lain-lain. Analisis dokumen ialah kaedah pengumpulan data kualitatif yang relevan bagi memenuhi kehendak objektif daripada pelaksanaan kajian (Darusalam & Hussin, 2018b).

DAPATAN & PERBINCANGAN

Pendigitalan hadis ialah satu usaha baharu dalam upaya untuk meningkatkan capaian terhadap hadis nabawi melalui medium aplikasi TMK masa kini. Secara dasarnya, TMK dibangunkan sebagai alat pendidikan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran yang lebih berkesan (Zakaria, Hamzah & Razak, 2017), manakala Islam menegaskan bahawa TMK perlu dimanfaatkan berdasarkan teras ketauhidan supaya tujuan pencarian ilmu dan maklumat selari dengan landasan syariat dalam memenuhi keperluan duniawi dan ukhrawi (Borham, 2018). Di samping itu, maklumat yang diperlukan atau yang disampaikan melalui perantaraan ICT sewajarnya berorientasikan prinsip kebenaran agar tidak menimbulkan fitnah dalam perkembangan ilmu Islam. Oleh demikian, penggunaan TMK secara berhemah dapat memberikan kesan positif kepada dunia Islam. Syed Hassan, Zakaria, Mohd Raus, Hanafi dan Syed Hassan (2010) menjelaskan bahawa terdapat tujuh matlamat penggunaan teknologi dalam bidang hadis iaitu:

- i. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hadis lebih lancar.
- ii. Penjimatan masa, ekonomi dan kerahan sumber manusia.
- iii. Menarik minat dan perhatian pelajar melalui kaedah PdP hadis yang interaktif.
- iv. Mengelakkan salah faham atau salah tafsir makna hadis melalui pancaindera (melihat, mendengar atau menyentuh).
- v. Daya ingatan pelajar terhadap hadis dapat ditingkatkan.
- vi. Memperoleh pencapaian PdP yang berkesan dengan masa yang minimum.
- vii. Pengalaman pelajar dalam PdP hadis dapat diperkayakan dengan aplikasi TMK.

Usaha pemeliharaan hadis digital tidak terlepas dari isu dan cabaran dalam dunia Islam berikutan hadis nabawi perlu dijaga keaslian dan keautentikannya agar tidak dimanipulasi oleh musuh-musuh Islam. Terdapat lima isu dan cabaran yang perlu diambil perhatian iaitu:

- i. Penyebaran hadis palsu (*hadis mawdu'*).
- ii. doktrin golongan anti hadis dalam mencipta kekeliruan terhadap hadis.
- iii. Salah faham khabar Isra'iliyyat dalam penafsiran makna hadis.
- iv. Serangan jenayah siber terhadap matan hadis.
- v. Kelemahan ketika proses pemindahan data hadis ke dalam visual digital.

Kewujudan sumber TMK seperti media massa dan sosial memberi kesan kepada penyebaran hadis palsu yang merupakan suatu fenomena yang membimbangkan khususnya di Malaysia (Shah, 2016). *Hadis mawdu'* merupakan *isim maf'ul* yang berasal dari kalimah *wada'a* yang menghasilkan pelbagai maksud seperti gugur, jatuh, rendah, reka, letak, cipta dan biar (Ibn Manzur, t.t.), manakala dari sudut pengistilahan adalah kumpulan kata-kata rekaan yang dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW secara dusta (Aslamiah, 2016). Ariffin dan Ahmad (2016) menjelaskan hadis *mawdu'* terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- i. Memalsu atau mereka sesuatu, seterusnya memperakukannya sebagai sabdaan Nabi Muhammad SAW (Zarif, 2011).
- ii. Memalsukan perkataan yang bukan sabdaan Nabi SAW, seperti ucapan sahabat, tabi'in, hukama, atau diriwayatkan daripada sumber Isra'iliyyat, kemudian disandarkan kepada baginda SAW untuk memperoleh kepercayaan masyarakat (At-Tahhan, 2010).

Penyebaran hadis-hadis palsu ini disebabkan kurangnya pengetahuan terhadap ilmu hadis atau sifat malas untuk menyemak hadis-hadis yang diakses melalui internet sehingga menyebabkan berlakunya penyimpangan dan pemahaman makna hadis yang sebenar. Lebih mendukacitakan apabila hadis dijadikan sebagai hujah-hujah dan kesimpulan hukum hakam agama yang secara jelas merupakan kesesatan yang nyata (Syed Hassan et al., 2010).

Antara sebab hadis palsu dicipta kerana tuntutan politik, sifat taasub, penyelewengan ahli bidaah, percanggahan dalam kerangka fiqh & akidah dan kepentingan diri (Amin, 2011). Oleh itu, isu ini perlu diambil tindakan yang serius agar tidak terus menular dalam masyarakat Islam yang boleh mengakibatkan salah faham, penyimpangan dan penyelewengan terhadap sunnah khususnya dan ajaran Islam umumnya. Ishak Suliaman melalui aplikasi telefon pintar Hadis Digital - Kitab Ilmu telah mengetengahkan hadis-hadis palsu mengenai perihal ilmu ([https://play.google.com/store/apps/details?id = my.dh](https://play.google.com/store/apps/details?id=my.dh)). Laman web al-Durar al-Saniyyah juga menyediakan capaian ke atas hadis-hadis palsu yang tersebar di internet (*al-Ahadis al-Muntasyirah fi al-Internit*).

Seterusnya, isu mengenai penyebaran khabar Isra'iliyyat dalam penafsiran hadis. *Isra'iliyyat* merupakan kata Israiliyyah yang dinisbahkan kepada Bani Israel. Melalui kajian hadis teologi Islam, *Isra'iliyyat* bukan berasal dari Islam tetapi dari golongan Yahudi dan Kristian (Sochimim, 2012). Oleh sebab itu, *Isra'iliyyat* telah diistilahkan oleh mufassir sebagai kisah-kisah Yahudi yang menyerap ke dalam pemikiran masyarakat Islam melalui tafsir al-Quran yang banyak berlaku di zaman tabi'in. Selain itu, mufassirin dan muhaddithin juga telah mengistilahkan *Isra'iliyyat* sebagai cerita lama atau setiap kisah direka dan dimasukkan ke dalam tafsir. Sebahagian mereka menganggap *Isra'iliyyat* merupakan setiap kisah yang direka dan disebar oleh musuh-musuh Islam bertujuan untuk menggugat kesucian Islam (Chaedar, Kawaid, Hamisan, Muhammad & Nazri, 2018). Unsur-unsur *Isra'iliyyat* boleh dikesan melalui kewujudan hadis-hadis (palsu) berkaitan keutamaan beramal (*fadail al-A'mal*). Ulama telah meletakkan beberapa pendekatan dalam pengajian tafsir yang membentangkan sanad hadis (Suliaman, 1998) iaitu:

- i. Kebenaran sumber-sumber *Isra'iliyyat* boleh diperakui sekiranya tiada pertentangan dengan sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadis yang sahih.
- ii. Menolak pendustaan sumber-sumber *Isra'iliyyat* apabila secara jelas berlaku pertentangan dengan al-Quran dan al-Hadis yang sahih.
- iii. Mengambil pendirian berdiam diri apabila tiada pendustaan mahupun kebenaran malah wujud kesamaran dari sumber-sumber *Isra'iliyyat*.

Isu yang berikutnya pula mengenai golongan anti hadis yang memanfaatkan aplikasi-aplikasi ICT tertentu seperti media sosial dalam rangka mengaburi kefahaman masyarakat dengan mempertikaikan peristiwa larangan penulisan hadis dan meragui keaslian hadis nabawi. Menurut Sudi et al. (2016), larangan penulisan hadis pada zaman awal Islam kerana kekhuatiran baginda SAW andai umatnya umatnya disibukkan dengan selain al-Quran malah ditakuti berlakunya percampuran di antara al-Quran dan hadis. Demikian juga, kebimbangan baginda terhadap hafalan para sahabat sekiranya bergantung dengan penulisan hadis. Baginda SAW menggalakkan hafalan hadis kerana sanad dan masa yang hampir dengan Baginda SAW. Yahya, (2016) dan Amran (2001), dalam disertasi beliau menumpukan dua buah laman web mengenai gerakan anti hadis di internet telah menemukan penyelewengan oleh Golongan Anti Hadis (GAH) terhadap sanad, matan, status dan maknanya. Kajian yang membongkar penyelewengan GAH dalam penafsiran ayat-ayat al-Quran dan Hadis-Hadis Nabi SAW di Internet juga telah dilaksanakan oleh Puji (2001). Kajian ini mengetengahkan tafsiran yang menyeleweng dari aspek aqidah, feqah dan politik. Seterusnya, kajian terhadap penyelewengan GAH di internet ini juga turut dihasilkan Shah, Soroni dan Wazir (2010) dengan memurnikan setiap penyelewengan penafsiran hadis oleh GAH dengan penafsiran yang sahih berlandaskan dalil '*aqli* dan *naqli*.

Isu keempat pula adalah mengenai serangan jenayah siber terhadap matan hadis (Zulkipli, 2012). Pengaplikasian hadis ke dalam bentuk digital merupakan suatu usaha pemeliharaan dalam dimensi yang baharu. Namun hal ini tidak terlepas daripada insiden sekuriti TMK. Pemeliharaan hadis di TMK bukan sahaja melibatkan serangan jenayah siber seperti pencerobohan perisian, malah turut melibatkan faktor lain seperti penjagaan perkakasan, fizikal operasi sistem, peranti *server* dan sebagainya. Oleh yang demikian, para pembangun hadis digital dicadangkan supaya menggariskan prinsip-prinsip keselamatan, menjalankan pemantauan berterusan ke atas sistem keselamatan perisian TMK dan mematuhi dasar-dasar keselamatan TMK. Kajian Zulkipli & Suliaman (2013) telah menfokuskan kepada dua kategori keselamatan hadis digital di internet iaitu pemeliharaan hadis melalui pemasangan

sistem keselamatan perisian laman sesawang dan dasar keselamatan TMK. Demikian itu, Zulkipli (2012) menyimpulkan bahawa pemeliharaan hadis melalui medium *'hosting panel'* seperti Joomla, Wordpress, Drupal CMS354 dan PhpMyAdmin terjamin. Walau bagaimanapun, ia bukan bersifat menyeluruh dan kebanyakannya perlu konsisten menaik taraf sistem keselamatan dari semasa ke semasa. Meskipun isu ini tidak dapat dibendung sepenuhnya, para pembangun ICT dapat menjamin pemeliharaan maklumat hadis di internet dengan mengurangkan berlakunya insiden keselamatan TMK. Dasar Keselamatan TMK (2009) menggariskan empat dasar utama iaitu:

- i. Perlindungan ke atas data hadis dari capaian yang tidak memiliki identiti yang sah.
- ii. Jaminan terhadap visual hadis digital adalah asli dan berautoriti.
- iii. Menjamin ketersediaan maklumat hadis secara konsisten.
- iv. Memastikan akses data hadis melibatkan para pelayaran atau pemain TMK yang sah dan menerima maklumat dari sumber yang sah sahaja.

Yang terakhir adalah isu berkaitan kelemahan dalam proses pemindahan teks hadis ke dalam visual digital. Proses pemindahan teks hadis ke dalam medium digital seperti penyalinan teks di atas kertas ke dalam perisian komputer bukan sahaja menuntut kepada kemahiran dan ilmu dalam bidang hadis semata-mata malah ia melibatkan faktor lain seperti kesihatan yang baik dan suasana yang kondusif. Ia penting untuk menjamin penelitian dan fokus yang baik ketika penyalinan berjalan. Sekiranya aspek ini diabaikan, kemungkinan kesalahan akan berlaku walaupun kesalahan kecil seperti perubahan pada titik dan bentuk huruf. Pemeliharaan hadis di alam siber sangat penting untuk memastikan keaslian dan keautoritian data hadis serta melibatkan isu-isu etika seperti yang ditekankan oleh Masum, Ullah dan Ahmad (2011) dan Manap, Shariff dan Hambali, (2013) dan Manap, Shariff dan Hussein (2014).

Perancangan yang rapi, komitmen dan kesungguhan yang tinggi serta penelitian dan fokus yang sangat mendalam sangat diperlukan dalam usaha penyalinan teks hadis secara digital (Zulkipli, 2012). Kegigihan para ulama dalam usaha memelihara hadis dalam bentuk penulisan juga telah mengalami kesalahan dari sudut pembacaan, perletakan titik, baris, tulisan dan sebagainya. Kesalahan ini juga boleh berlaku ketika penyalinan teks hadis ke dalam bentuk digital rentetan sumber tenaga manusia yang terbatas. Beberapa kajian berkaitan hadis digital telah dijalankan seperti:

- i. Teknik verifikasi keautoritian hadis digital (Yusoff et al., 2010).
- ii. Klasifikasi hadis menggunakan teknik *Data Mining* dan *Named Entity Recognition* (Aldhaln, 2012; Siddiqui, 2014; Saloot et al., 2016).
- iii. Pembangunan sistem informasi hadis menggunakan teknik *Retrieval Information* (Rozanda et al., 2014).
- iv. Pengesanan kesalahan hadis digital menggunakan enjin carian subjek (Santoso & Hidayat, 2014).
- v. Pembangunan sistem autentikasi hadis digital (Kamsin et al., 2014).

Kajian mengenai pengaplikasian hadis di TMK juga telah dijalankan Shahril et al. (2011), Zulkipli (2012) dan Zulkipli dan Suliaman (2013) telah melakukan kajian terhadap dua buah laman web yang memberikan kemudahan takhrij iaitu al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb. Analisis teks hadis telah dilakukan untuk mengenal pasti kebarangkalian berlakunya kesalahan nukilan teks hadis yang telah dimuatkan ke dalam data digital. Hasil analisis menemukan satu kesalahan teks dalam al-Durar al-Saniyyah. Ishak Suliaman juga telah melakukan analisis teks hadis ke atas perisian komputer *Maktabah Syamilah*. Kajian yang telah dibentangkan di dalam *National Symposium on al-Quran and Hadis Validation System* (SAHIH 2016) ini menemukan beberapa kesalahan pada baris dan huruf. Bandong (2008) pula telah menghasilkan kajian menumpukan kepada analisis hadis-hadis dalam laman web E-JAKIM pada bulan Ogos 2007. Kajian ini memfokuskan kepada aspek kualiti hadis melalui kaedah takhrij. Selain itu, Soroni (2008) dan Mohd Ismail (2011) juga telah mengumpulkan beberapa laman sesawang hadis berbahasa Melayu. Kajian menyenaraikan laman sesawang terpilih dan menjelaskan manfaat yang boleh diperoleh sama ada dari aspek kemudahan atau isi kandungan yang diketengahkan. Kesimpulan kajian ini adalah seiring iaitu penambahbaikan perlu dilakukan apabila terdapat kekurangan yang telah dikenal pasti.

Karim dan Hazmi (2005) di dalam kertas kerjanya membincangkan mengenai penilaian kualiti data hadis di internet. Matlamat kajian adalah untuk mengenal pasti sifat penggunaan, persepsi para cendekiawan Muslim dan penuntut ilmu ke atas penggunaan internet sebagai medium utama untuk memperoleh maklumat hadis. Kajian menyimpulkan terdapat perbezaan antara keperluan untuk memastikan kesahihan dan keabsahan hadis melalui rujukan bercetak serta teks sejarah (Kaviza, 2019) dari penilaian maklumat hadis di internet. Manakala Ali (2001) menjalankan kajian yang menekankan kualiti teks hadis digital di internet. Kesimpulan kajian mencadangkan penghasilan teks menggunakan analog elektronik (*digital signature*). Pemakaian analog elektronik terhadap hadis digital merupakan strategi untuk menjamin keselamatan dan keabsahannya di internet.

Justeru, berdasarkan isu dan cabaran penggunaan hadis dalam era IR 4.0 sebagaimana yang dibincangkan di atas, beberapa kesimpulan perlu diambil penekanan agar usaha pemakaian hadis secara digital dapat dimurnikan (Syed Hassan et al., 2010; Zulkipli, 2012) iaitu:

- i. Pengawasan terhadap maklumat yang diperoleh dari sumber *Israiliyyat*.
- ii. Menggariskan dasar penyediaan sebuah pangkalan data hadis berautoriti.
- iii. Laman web hadis seperti al-Durar al-Saniyyah, Islamweb, Hadis.al-Islam dan lain-lain perlu diperbanyakkan.
- iv. Menggabungkan kepakaran ilmuan hadis dan pembangun aplikasi TMK agar dapat membentuk sebuah perisian hadis yang lebih berautoriti.
- v. Memaksimumkan segala kepakaran dan penggunaan sumber manusia untuk penghasilan perisian yang berkualiti tinggi.
- vi. Pihak kerajaan mahupun swasta membuka ruang, peluang dan insentif kepada para pembangun hadis digital untuk manfaat bersama.
- vii. Malaysia *Cyber Security* bertindak dalam pengawalan sebarang aktiviti asing, gangguan jenayah siber dan sebagainya dalam pemeliharaan data hadis digital.

KESIMPULAN

Komitmen para sahabat yang berkesinambungan dari satu generasi ke generasi lain dalam usaha memelihara hadis telah berjaya diwarisi sehingga kini. Ketinggian keilmuan para ulama dalam merangka sebuah disiplin ilmu hadis telah melonjakkan anjakan pemikiran di mana masyarakat Islam boleh mengkaji, mempelajari, menilai dan mengetahui perihal sesuatu hadis sama ada boleh dijadikan hujah atau sebaliknya. Dewasa ini, penggunaan hadis digital telah menyumbang kepada aspek pemeliharaan dalam dimensi yang baru. Oleh itu, usaha pemeliharaan hadis dapat disuburkan lagi dengan pengaplikasian teknologi baru dan menghasilkan kaedah penyampaian yang lebih efektif. Walaupun bagaimanapun, segala isu yang berkaitan dengan pemakaian hadis di TMK perlu diambil perhatian sewajarnya agar data dan maklumat hadis yang disampaikan adalah benar. Maka kajian menyarankan supaya pihak-pihak yang berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Malaysia Super Corridor (MSC), Malaysia Cyber Security (MSC) dan para akademik Institusi Pengajian Islam di Universiti Awam (UA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dapat bekerjasama dan mengambil peranan yang serius dalam memastikan pemeliharaan hadis di alam siber terus terjamin dengan pemantauan dan tindakan yang tersusun.

RUJUKAN

- 'Itr, N. A. D (2003). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadis*, c.3. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Abu Zahw. M. (n.d.). *al-Hadis wa al-Muhaddithun*, t.tp.
- Aldhaln, K. A., Zeki, A. M., & Zeki, A. M. (2012). Knowledge Extraction in Hadis Using Data Mining Technique. *Int J Inf Technol Comput Sci*, 2, 13-21.
- Ali, K. M. (2001). *Digital Signature for Hadis* (Unpublished Doctoral dissertation). International Islamic University Malaysia.
- Al-Khatib M. 'A. (1988). *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*. Qaheerah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qathan M. A. (2006). *Mabahith fi 'Ulum al-Hadis*, Abu Ezzat al-Mubarak (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Al-Shiddiqi M. H. (2000). *Sejarah Perkembangan Hadis dan Tokoh-tokoh Utama Dalam Bidang Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Al-Suyuti, A. B. A. A. R. (1996). *Al-Dibaj 'ala Sahih Muslim*. Arab Saudi: Dar Ibn 'Affan lil Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Zahabi, M. H. (t.t). *Tadzkirah al-Huffaz*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amin, A. P. (2018). Historiografi Pembukuan Hadis Menurut Sunni dan Syi'ah. *Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an Dan Al-Hadits*, 12(1), 75-110.
- Amin, M. F. (2011). *Hadis Palsu: Ramai Yang Tertipu*. Al-Islam, Isu Ogos 2011 (pp. 18-21).
- Amran, N. N. H. (2001). *Gerakan anti Hadith di Malaysia: suatu kajian dalam internet* (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Anwar, L. (2020). Penulisan Hadis Pada Masa Rasulullah SAW. *Jurnal Ilmu Al Qur'an dan Hadist*, 3(2), 131-156.
- Ariffin, M. F. M., & Ahmad, K. (2016). Fabricated Hadis: Unraveling ContradTMKion between Society and Scholar towards Mutual Agreement. *Jurnal Intelek*, 11(1), 31-39.
- Aslamiah, R. (2016). Hadis Maudhu dan Akibatnya. *Alhiwar Jurnal Ilmu dan Teknik Dakwah*, 4(7), 24-34.
- At-Tahhan, M. (1979). *Taisir Musthlah al-Hadis*. Beirut: Dar al-Quran al-Karim.
- Bandong, N. M. (2008). *Takhrij dan analisis hadis-hadis dalam laman web E-Hadis Jakim (Himpunan hadis harian): tumpuan terhadap bulan Ogos tahun 2007* (Unpublished Degree Dissertation). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Borham, A. H. (2018). Media Baharu dan Impak Terhadap Dakwah. *Sains Humanika*, 10, 51-60.
- Chaedar, S. M., Kawaid, A. I. S. D., Hamisan, N. S., Muhammad K. A. & Nazri, K. N. Z. (2018). Riwayat Israiliyyat Dalam Tafsir Al-Quran: Persepsi Pensyarah Pengajian Islam Di IPTA Terpilih Di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2, 1-10.
- Darusalam, G. & Hussin, S. (2018a). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*, c. 2. Kuala Lumpur: UM Press.
- Darusalam, G. & Hussin, S. (2018b). *Metodologi Penyelidikan*, ed. 2. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Dasar Keselamatan TMK (2009). *Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia* (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, 2 April 2009, v. 5.2, h. 8.
- Fatimah. (2020). Hadis Dari Masa ke Masa (Kodifikasi Hadis Era Mutaqaddimin). *ISLAM TRANSFORMATIF: Journal of Islamic Studies*, 4(1), 57-67.

- Harahap, R. M., (2018). Hadis Pada Masa Nabi Muhammad Saw Dan Sahabat, Al-Bukhārī. *Jurnal Ilmu Hadis*, 1 (1), 37-51.
- Husna, N. (2018). Sejarah Hadis Dan Problematika Sahabat. Al-Bukhārī. *Jurnal Ilmu Hadis*, 1(2), 267-280.
- Ibn Manzur (t.t.). *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma‘arif.
- Ismail M. S. (1989). *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis: Telaah Kritis dan Tinjauan Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah*. Selangor: Thinker’s Library Sdn. Bhd.
- Kamsin, A., Gani, A., Suliaman, I., Jaafar, S., Mahmud, R., Sabri, A. Q. M. & Ab Hamid, S. H. (2014). Developing The Novel Quran nnd Hadis Authentication System. In *Information and Communication Technology for The Muslim World (TMK4M)*, 2014 The 5th International Conference on (pp. 1-5). IEEE.
- Karim, N. S. A., & Hazmi, N. R. (2005). Assessing Islamic Information Quality on The Internet: A Case of Information About Hadis. *Malaysian Journal of Library and Information Science*, 10(2), 51.
- Kaviza, M. (2019). Penerokaan kemahiran terarah sendiri melalui analisis sumber teks Sejarah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 5(1), 45-53.
- Lebar, O. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Manap, N. A., Shariff, A. A. M., & Hambali, S. N. (2013). Database as Intellectual Property: Position and Accordance of Protection. *The Social Sciences*, 8(4), 365-373.
- Manap, N. A., Shariff, A. A. M., & Hussein, S. M. (2014). Database: Its Position Under Islamic Law of Property. *The Social Sciences*, 9(3), 228-238.
- Masum, A. K. M., Ullah, M. C., & Azad, M. A. K. (2015). Information technology (IT) ethics in the light of Islam. *IIUC Studies*, 9, 243-260.
- Mohd Ismail, Y (2011). Laman Web Hadis Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif. In. *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadis.
- Mu’awanah, A. (2019). *Perkembangan Hadis Pada Masa Sahabat (Taqlil wa Tathabbut min al-Riwayah)*. *Jurnal Kaca Jurusan Ushuluddin STAI AL FITHRAH*, 9(2), 4-32.
- Muhajirin (2016). *Ulumul Hadits II*, Palembang: NoerFikri.
- Puji, T. Z. T. (2001). *Tinjauan Beberapa Penyelewengan Dalam Tafsiran al-Quran Oleh Golongan Anti Hadis di Internet*. Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Warisan al-Quran Peringkat Kebangsaan, Pulau Pinang, Oktober 24-25, hlm. 1-15.
- Razali, M. M., & Hussin, N. I. (2021). New media and political activities among Malay youth in Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(1), 45-54.
- Rofiah, K. (2018). *Studi Ilmu Hadis*. Yogyakarta: IAIN PO Press.
- Rozanda, N. E., Marsal, A., & Iswanti, K. (2014). Rancang Bangun Sistem Informasi Hadits Menggunakan Teknik Temu Kembali Informasi Model Ruang Vektor. *Jurnal Sains dan Teknologi Industri*, 11(1), 102-110.
- Saloot, M. A., Idris, N., Mahmud, R., Ja’afar, S., Thorleuchter, D., & Gani, A. (2016). Hadis data mining and classification: a comparative analysis. *Artificial Intelligence Review*, 46(1), 113-128.
- Santoso, E., & Hidayat, N. (2014). Search Engine of Subject Using Error Correction Lavenshtein (Case Study Digital Documents of Al Qu’ran and Hadis). *Journal of Natural A*, 1(2), 114-121.
- Shah F.A., Soroni M.K. & Wazir R. (2010). *Manahij al-Muhaddithin: Metode Dan Pendekatan Sarjana Hadis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shah, F. A. (2016). Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa Dan Media Sosial: Realiti Dan Cabaran. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berwasit*, 11, 9-27.
- Shahril, N. Z., Muhammad, F. M. F., & Suliaman, I. (2011). Pembelajaran capaian teks Hadith berautoriti di internet: kajian terhadap laman sesawang Islamweb.
- Siddiqui, M. A., Saleh, M. E., & Bagais, A. A. (2014). Extraction and Visualization of the Chain of Narrators from Hadiss using Named Entity Recognition and Classification. *Int. J. Comput. Linguist. Res*, 5(1), 14-25.
- Sochimin, S. (2012). TELAHAH PEMIKIRAN HADIS MAHMUD ABU RAYYAH DALAM BUKU “ADWA’ALA AL-SUNNAH AL-MUHAMMADIYAH”. *HUNAFI: Jurnal Studia Islamika*, 9(2), 271-300.
- Soroni, M. K. (2008). Material Hadis Berbahasa Melayu di Internet: Perkembangan dan Visi Masa Depan. In *Prosiding Seminar Warisan al-Quran dan al-Hadis Nusantara*. Kuala Lumpur, 27-28 Ogos 2008.
- Sudi, S., Wazir, R., Usman, A. H., Nasir, M. N., Ismail, Z., Salleh, S., & Rahman, A. A. (2016). Sejarah Penulisan Hadis: Pembetulan Fakta Dari Hujah Anti Hadis. In *E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu’tamar on Hadis*, (pp.1-7). Bandar Baru Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), USIM.
- Syed Hassan, S. N., Zakaria, N., Mohd Raus, N., Hanafi, L. H., & Syed Hassan, D. S. N. (2010). *Aplikasi Teknologi Moden Dalam Memantapkan Pendidikan Sunnah Di Era Globalisasi*.
- Talib, O. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*, c. 2. Serdang: Penerbit UPM.

- Usman, I. (2021). Hadis pada Masa Rasulullah dan Sahabat: Studi Kritis terhadap Pemeliharaan Hadis. *EL-USRAH: Jurnal Hukum Keluarga*, 4(1), 47-63.
- Yahya, M. A. (2016). Sumbangan Ahl al-Hadith dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam. *Journal of Hadith Studies*, 1-6.
- Yusoff, Y., Ismail, R., & Hassan, Z. (2010). Adopting Hadis Verification Techniques into Digital Evidence Authentication. *Journal of Computer Science*, 6(6), 613.
- Zakaria S. R., Hamzah M. I., & Razak, K. A. (2017). Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 29-41.
- Zarif, M. M. M. (2011). *Hadis-Hadis Palsu Dalam Mustadrak al-Hakim*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zulkipli, S. N. (2012). *Pemeliharaan Hadith di Internet: kajian terhadap laman web al-Durar al-saniyyah dan Islamweb/Shahril Nizam bin Zulkipli* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Zulkipli, S. N., & Suliaman, I. H. (2013). *Autoriti hadis di Internet*. Penerbit Universiti Malaya.
- Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Anas, N. B., Noor, M. S. B. M., Abidin, M. Z. H. B. Z., Jamil, W. K. N. B. W., & Yakob, A. B. (2017b). Takhrij al-Hadith Via Websites: A Study of al-Durar al-Saniyyah, Mawqi' al-Islam and Islamweb. *PONTE International Scientific Researchs Journal*, 73(4).
- Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Anas, N., Syukri, M., Noor, M., Abidin, M. Z. H. Z., ... & Yakob, M. A. (2017a). Takhrij al-Hadith via mobile apps: study of 9 Imam Encyclopedia, Kutub Tis 'ah and Mawsu 'ah al-Hadith al-Nabawi al-Syarif. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1174-1185.